

# Program

## Agropelancongan

Program Agropelancongan yang dilaksanakan oleh LPP berhubung rapat dengan program agropelancongan yang direncanakan oleh Bahagian Khidmat Sokongan Institusi (KSI) MOA. Dalam tahun 2010, LPP telah diberi peruntukan sejumlah RM815,000 dan ianya telah diagihkan kepada 8 buah projek agropelancongan. Lokasi-lokasi

tersebut adalah di Peladang Setiu Agro Resort dan Laguna Setiu di Terengganu serta Chalet Terapung PPK Merbok, Peladang Chalet Tioman, Pahang dan Chalet Terapung PPK Sungai Petani di Kedah. Peruntukan yang diterima telah digunakan untuk pembangunan infrastruktur, promosi dan penyediaan kemudahan seperti balai informasi, bot dan kayak. Ianya ditunjukkan seperti di **Jadual 31**.

**Jadual 31** : Senarai Projek dan Peruntukan Agropelancongan bagi Tahun 2010

| Bil           | PPK                           | Projek                 | Jumlah (RM)    |
|---------------|-------------------------------|------------------------|----------------|
| 1.            | Setiu, Terengganu             | Laguna Setiu           | 100,000        |
| 2.            | Merbok, Pulau Pinang          | Chalet Terapung        | 100,000        |
| 3.            | Sungai Petani, Kedah          | Chalet Terapung        | 100,000        |
| 4.            | Tioman, Pahang                | Peladang Inn Tioman    | 100,000        |
| 5.            | Parit Sulong, Johor           | Pantai Teluk Wawasan   | 175,000        |
| 6.            | Sri Medan, Johor              | Kampung Sri Wangi      | 30,000         |
| 7.            | Sri Medan, Johor              | Mud Ball               | 60,000         |
| 8.            | Koperasi Usahawan Tani (KUAT) | Lanchang Edible Garden | 150,000        |
| <b>Jumlah</b> |                               |                        | <b>815,000</b> |



# Program

## Transformasi dan Pemodenan Peladang

Program ini dilaksanakan bertujuan membangunkan modal insan di PP melalui program/aktiviti penggemblengan ke arah mengukuhkan institusi PP. Pelaksanaan program ini juga bertujuan memberi kesedaran kepada ahli peladang tentang peluang-peluang yang wujud dalam sektor pertanian dan dapat meningkatkan taraf hidup mereka serta mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Ini bukan sahaja dapat merapatkan hubungan para peladang, penternak dan nelayan dengan institusi peladang, malah ianya dapat menjalinkan hubungan dua hala dengan institusi luar.

**Jadual 32 :** Program Transformasi dan Pemodenan Peladang Tahun 2010

| Bil | Program                       |
|-----|-------------------------------|
| 1.  | Pemidahan Teknologi           |
| 2.  | Agen Pengurusan Peladang      |
| 3.  | Menyelaras 10 Perkhidmatan PP |
| 4.  | Amali dan Pemerhatian         |
| 5.  | Penerbitan Teknologi Maklumat |

### Komunikasi dan Penggemblengan

Penemuan-penemuan baru dalam penyelidikan pertanian di dalam dan di luar negara seperti Amalan Pertanian Baik, Perladangan Secara Tepat,

penggunaan Benih Bermutu dan lain-lain teknologi terkini telah dihebahkan kepada masyarakat peladang melalui Program Transformasi dan Pemodenan.

Pelaksanaan program ini bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat tentang peluang-peluang yang wujud dalam sektor pertanian bagi meningkatkan taraf hidup mereka dan menjadikan pertanian sebagai perniagaan yang dapat menjana ekonomi negara.

### Aktiviti Komunikasi

Komunikasi adalah proses pemberian dan penerimaan maklumat atau mesej. Oleh itu program komunikasi bertujuan untuk menyatupadukan masyarakat peladang melalui Pertubuhan Peladang agar mereka dapat turut sama memahami dasar kerajaan pada masa kini untuk menjadikan sektor pertanian sebagai penyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Di samping itu juga ia dapat memberikan pendedahan kepada dasar-dasar terkini kerajaan dan seterusnya dapat membantu kerajaan merealisasikan hasrat ini. Ianya juga bertujuan mentransformasikan masyarakat peladang untuk menjadikan mereka peladang yang progresif.

**Jadual 33 :** Aktiviti-aktiviti Komunikasi

| Bil. | Perkara  | Aktiviti-aktiviti   |
|------|--|---|
| 1.   | Penerbitan Dalaman oleh LPP dan PP                 | Berita Transformasi, Buletin LPP / Buletin Peladang, Buku Cenderamata / Buku Program, Risalah-risalah dan Fotografi, Laman Web LPP  |
| 2.   | Penerbitan Dokumentari Video dan Aktiviti          | Penggambaran / rakaman video, Kejayaan Peladang dan Pertubuhan Peladang serta Video Korporat LPP  |
| 3.   | Program Publisiti di Media Massa                   | Rencana, Advertorial, Bill Board, Wawancara TV dan Rakaman Langsung, Iklan / Kempen / Promosi / TV Crawler, Slot Dokumentari Radio dan TV, Bahan Berita Radio dan TV, Penerbitan Drama, Berita Dalam Akhbar |
| 4.   | Pemantauan Laman Web Aduan dan Pertanyaan Parlimen | Memberi Maklumbalas Jika Ada Aduan / Pertanyaan dan Menyalurkan Usul Kepada Pihak Berkaitan   |

## Aktiviti Perjumpaan Peladang Dengan Pemimpin

Perjumpaan yang diadakan bermatlamat supaya para peladang yang digembleng akan dapat bersemuka dengan pemimpin dan seterusnya mendapat informasi terus mengenai dasar-dasar dan arahan kerajaan dalam sektor pertanian negara.

**Jadual 34 :** Program bersama Pemimpin

| Bil | Program  | Bilangan Perjumpaan |
|-----|--|---------------------|
| 1.  | Bersama Perdana Menteri  | 3                   |
| 2.  | Bersama Menteri Pertanian  | 10                  |
| 3.  | Bersama Menteri Besar  | 4                   |
| 4.  | Bersama Exco Pertanian   | 4                   |
| 5.  | Bersama Pengerusi LPP  | 6                   |
| 6.  | Bersama Ketua Pengarah LPP   | 6                   |
| 7.  | Perjumpaan Pemimpin Peladang Dengan Ahli PP Dalam Mesyuarat Agung PP | 2                   |

## Aktiviti Perayaan/Pendidikan/Kesenian

Para peladang khususnya ahli-ahli Pertubuhan Peladang akan digembleng untuk menghadiri perayaan atau penyertaan di dalam perayaan yang telah dijadikan acara tahunan setiap tahun. Antara penganjuran perayaan dan penyertaan perayaan yang melibatkan penggembelangan peladang adalah seperti di **Jadual 35**.

**Jadual 35 :** Aktiviti Perayaan/Pendidikan/Kesenian

| Bil | Program                  | Bilangan Perjumpaan |
|-----|--------------------------|---------------------|
| 1.  | HPPN Kebangsaan          | 1                   |
| 2.  | HPPN Negeri              | 13                  |
| 3.  | Hari Inovasi Kebangsaan  | 1                   |
| 4.  | Hari Inovasi Negeri      | 13                  |
| 5.  | Sambutan Hari Kebangsaan | 1                   |
| 6.  | Sambutan Hari Pekerja    | 1                   |
| 7.  | Mini MAHA                | 4                   |
| 8.  | Sambutan Maulidur Rasul  | 1                   |
| 9.  | Sambutan Maal Hijrah     | 1                   |

## Program Mesra Rakyat

Program Mesra Rakyat adalah bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan para peladang sebagai satu keluarga untuk ditransformasikan kepada kekuatan sesebuah institusi. Antara program yang di anjurkan adalah seperti berikut di **Jadual 36**.

**Jadual 36 :** Program Mesra Rakyat

| Bil | Program                    | Bilangan Perjumpaan |
|-----|----------------------------|---------------------|
| 1.  | Hari Bertemu Pelanggan     | 7                   |
| 2.  | Penyertaan Ekspo / Pameran | 27                  |
| 3.  | Sambutan Hari Raya         | 1                   |
| 4.  | Sambutan Hari Keluarga     | 1                   |

## Aktiviti Pendidikan

Program pendidikan dilaksanakan bertujuan untuk memberikan kefahaman dan pendedahan mengenai program-program pertanian terkini dan berteknologi. Penglibatan peladang muda dan wanita muda juga





diambil kira dalam program ini sebagai generasi pelapis dalam bidang ini.

### Malaysia Agriculture Horticulture & Agrotourism International Show (MAHA 2010)

Pada tahun 2010, pameran MAHA telah berlangsung pada 26 November 2010 hingga 5 Disember 2010 yang bermula dari jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam. Tapak pameran adalah bertempat di MAEPS, Serdang, Selangor. Tema sambutan MAHA 2010 ialah "Inovasi Pertanian Pemangkin Pembangunan". Pelbagai aktiviti dan demonstrasi serta pameran dan jualan menarik diadakan. Antara pertandingan yang menarik perhatian ialah pertandingan gubahan bunga, pertandingan ikan hiasan, pertandingan memancing dan penternakan burung walit.

Terdapat juga pelbagai demonstrasi diadakan iaitu demonstrasi teknik pembiakan orkid, demonstrasi memasak, demonstrasi pelbagai mesin, demonstrasi dan lelongan haiwan ternakan. Di samping itu juga terdapat acara yang menarik diadakan iaitu 'Treasure Hunt' dan Rodeo untuk tatapan para pengunjung pameran MAHA 2010.

Sambutan MAHA 2010 juga diserikan lagi dengan pameran dan jualan dari pelbagai agensi kerajaan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

serta lain-lain agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Antara pameran dan jualan yang diadakan ialah produk-produk IKS, buah-buahan segar, tanaman hiasan, haiwan ternakan serta promosi makanan popular Malaysia.

### Objektif MAHA 2010

- Mengubah Malaysia menjadi pusat kecemerlangan pembangunan pertanian dan industri asas tani
- Sebagai pameran untuk menarik penyertaan pelabur persendirian dari dalam dan luar negara
- Untuk mempromosikan pertanian sebagai satu pelaburan yang menguntungkan serta menjamin pulangan masa depan bagi menarik pelabur usahawan dari generasi muda
- Mempamerkan inovasi dan teknologi terkini yang terdapat di pasaran antarabangsa agar dapat diaplikasikan dalam sektor pertanian Malaysia
- Menjadi pentas dalam menyediakan peluang mempamerkan produk, penemuan terkini, pelaburan dan perkhidmatan
- Menyediakan wadah pertemuan bagi penjual dan pembeli serta pencipta teknologi pertanian

# Program

## Penerapan Kualiti

Program penerapan kualiti yang dilaksanakan oleh LPP bertujuan untuk mewujudkan budaya kerja cemerlang di kalangan anggotanya melalui pengamalan Pengurusan Kualiti Menyeluruh atau *Total Quality Management (TQM)*. Matlamat jangka panjang program ini adalah kepada membudayakan konsep pekerja yang berpengetahuan dan berkemahiran untuk melahirkan anggota-anggota profesional dan cemerlang.

Akronim **P.E.I.A.D.A.N.G.** yang membawa maksud **PROFESIONAL, EFISIEN DAN EFEKTIF, LUHUR, AMALAN POSITIF, DINAMIK, AMANAH, NILAI-NILAI MURNI** dan **GEMILANG** akan dibudayakan dikalangan anggota LPP. Penekanan juga diberikan kepada matlamat akhir LPP untuk *Lahir Peladang Progresif* yang sinonim dengan singkatan LPP .

### Anugerah Inovasi LPP

Sambutan Hari Inovasi merupakan satu program yang dilaksanakan oleh semua Jabatan/Agensi kerajaan pada setiap tahun. Dalam hal ini, LPP turut mengadakan Sambutan Hari Inovasi dan menetapkan bulan Oktober setiap tahun dijadikan bulan inovasi di LPP dimana Ibu Pejabat LPP dan semua LPP Negeri dikehendaki mengadakan Sambutan Hari Inovasi. Sambutan Hari Inovasi LPP Tahun 2010 telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Dato' Mohd. Hashim bin Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada 9 November 2010 (Selasa) di Dewan Terbuka, Blok K, Pusat Bandar Damansara, Kuala Lumpur. Senarai pemenang Anugerah Inovasi LPP adalah seperti **Jadual 37**.

**Jadual 37** : Kategori yang dipertandingkan untuk Hari Inovasi

| Bil. | Kategori   | Pemenang                                      |
|------|--|---|
| 1.   | Pengurusan Projek Terbaik (Projek Mini Estet Padi)           | PPK Lahar Bubu, Pulau Pinang                  |
| 2.   | Pengurusan Projek Terbaik (Buah-Buahan) - Mangga             | PPK Beseri, Perlis                            |
| 3.   | Pengurusan Projek Terbaik (Ternakan)                         | PPN Perak                                     |
| 4.   | Pengurusan projek terbaik (Ternakair)                        | PPK Sungai Chenaam, Pulau Pinang              |
| 5.   | Pengurusan Projek Terbaik (Sayur-Sayuran)                    | PPK Semerak, Kelantan                         |
| 6.   | Pengurusan Pemodenan Sistem Kerja dan Tadbir urus Terbaik    | PPK Kuala Muda Selatan, Kedah                 |
| 7.   | Penyampaian Sepuluh Perkhidmatan Terbaik                     | PPK Bukit Awang, Kelantan                     |
| 8.   | PP Indah dan Bersih  | PPK Kuala Berang, Terengganu                  |
| 9.   | Pengurusan LPP Negeri Terbaik                                | LPP Negeri Sembilan                           |
| 10.  | Input Pertanian Bersepadu PPK                                | PPK Machang, Kelantan                         |
| 11.  | Pengurusan Industri Asas Tani Terbaik                        | Kilang Loji Benih PPK Lahar Bubu Pulau Pinang |
| 12.  | Pengurusan PPN Jentera Terbaik                               | PPN Jentera Pulau Pinang                      |
| 13.  | PP Melahirkan Usahawan Peladang Progresif                    | PPK Johor Bharu Selatan, Johor                |
| 14.  | Pengurusan Unit Peladang Aktif                               | PPK Kuala Berang, Terengganu                  |
| 15.  | Pengurusan ICT PP Terbaik                                    | PPK Parit Raja, Johor                         |
| 16.  | <b>Anugerah Khas Inovasi</b><br>Mesin Pengayak Tinja Kambing | PPN Terengganu                                |

### Persijilan MS ISO 9001 : 2008

Sehingga tahun 2010, LPP telah memperolehi penarafan persijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001 : 2008 seperti di **Jadual 38**

### Anugerah Tokoh Pekerja Bulanan

Anugerah Tokoh Pekerja Bulanan LPP diberi sebagai pengiktirafan kepada anggota yang memenuhi kriteria pemilihan seperti hasil dan kualiti kerja yang dapat memberi kepuasan hati pelanggan, sumbangan baktinya dapat meningkatkan reputasi dan prestasi jabatan serta mempunyai tata tertib yang baik supaya ianya menjadi sumber inspirasi dan motivasi kepada anggota dalam memartabatkan kecemerlangan kerja dan keunggulan organisasi. Senarai penerima Anugerah Tokoh Pekerja Bulanan LPP bagi tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 39**.

### Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Usaha-usaha untuk meningkatkan penyertaan anggota dalam aktiviti penambahbaikan bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti jabatan/agensi Kerajaan sentiasa diberi perhatian. KIK

merupakan mekanisme pengurusan yang berkesan untuk membina modal insan yang berkepercayaan tinggi bagi merealisasikan aspirasi kerajaan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam penyampaian perkhidmatan. Perubahan persekitaran yang berbeza serta kehendak pelanggan dan *stakeholders* yang semakin meningkat memerlukan agensi membuat penambahbaikan dalam sistem penyampaian perkhidmatannya. Ini dapat dilakukan melalui usaha-usaha inovasi dan kreativiti secara menyeluruh serta merentasi semua peringkat anggota dan bahagian.

LPP mengadakan konvensyen KIK untuk memberi peluang kepada anggotanya mempersembahkan projek mereka melalui idea kreatif dan inovatif di samping memberi pengiktirafan atas hasil daripada sumbangan projek ke atas organisasi. Konvensyen KIK Peringkat Ibu Pejabat telah diadakan pada 11 Oktober 2010 (Isnin) dan Konvensyen KIK Peringkat Kebangsaan pula telah diadakan pada 18 Oktober 2010 (Isnin) di Dewan Blok K, Pusat Bandar Damansara, Kuala Lumpur. Sebanyak 12 kumpulan

**Jadual 38** : Senarai Penerima Persijilan dan Skop Persijilan

| Bil | Penerima Persijilan MS ISO 9001                                | Skop Persijilan  | Tempoh Persijilan            |
|-----|--|--|------------------------------|
| 1   | LPP Ibu Pejabat dan semua cawangan Audit Pertubuhan LPP Negeri | i) Pengurusan Perkhidmatan Audit Berkanun Ke atas Pertubuhan Peladang<br>ii) Penyediaan dan Penyampaian Urusan Pendaftar, Pembangunan dan Pengurusan Pertubuhan Peladang | Sehingga<br>7 Januari 2013   |
| 2   | PPK Kg. Pelet, Pulau Pinang                                    | Pengurusan Ladang Benih Padi Sah   | Sehingga<br>3 November 2011  |
| 3   | Kilang Padi PPK Kangkong, Kelantan                             | Pengurusan Pengilangan Padi dan Beras  | 2007 – 2010                  |
| 4   | Pertubuhan Peladang Negeri Jentera Perlis                      | Perkhidmatan Kejenteraan Ladang  | Sehingga<br>28 Februari 2011 |
| 5   | PPK Rembau, Negeri Sembilan                                    | Management dan Production of sweet Corn Hybrid F1  | Sehingga<br>18 November 2011 |
| 6   | PPK Gunung Semanggol, Perak                                    | Pengurusan dan Pengedaran Tapak Semaian Padi   | Sehingga<br>30 November 2011 |
| 7   | Loji Benih PPK Lahar Bubu, Pulau Pinang                        | Pengurusan Pengeluaran Benih Padi Sah  | Sehingga<br>9 Februari 2012  |

KIK melibatkan 120 orang ahli dan fasilitator telah mengambil bahagian di peringkat ibu pejabat, manakala 13 kumpulan KIK melibatkan 130 orang peserta di peringkat kebangsaan. Senarai pemenang

Konvensyen KIK peringkat ibu pejabat dan peringkat kebangsaan adalah seperti ditunjukkan di **Jadual 40** dan **Jadual 41**.

**Jadual 39** : Senarai Penerima Anugerah Tokoh Pekerja Bulanan Tahun 2010

| Bil | Bulan          | Nama                             | Bahagian/Cawangan                 |
|-----|----------------|----------------------------------|-----------------------------------|
| 1   | Januari 2010   | Hajah Marfuah bt Hassan (W36)    | Audit Pertubuhan & Penguatkuasaan |
| 2   | Februari 2010  | Muhamad bin Shamsudin (E27)      | Undang-undang                     |
| 3   | Mac 2010       | Zaliha bt Othman (N22) (KUP)     | Pengeluaran Ladang                |
| 4   | April 2010     | Siti Maisarah bt Tumarar (E27)   | Hal Ehwal Korporat                |
| 5   | Mei 2010       | Rasli bin Awang (E27)            | Kejuruteraan                      |
| 6   | Jun 2010       | Norlaila bt Omar (N27)           | Khidmat Pengurusan                |
| 7   | Julai 2010     | Norasnita Bt Mohd Zuki (W41)     | Kewangan                          |
| 8   | Ogos 2010      | Noor Baiti Bt Zakaria (E27)      | Pembangunan Modal Insan           |
| 9   | September 2010 | Saliza binti Mohd. Salleh (E27)  | Perniagaantani                    |
| 10  | Oktober 2010   | Abu Bakar bin Selamat (E41)      | Pembangunan Usahawan Peladang     |
| 11  | November 2010  | Muhammad Azmi bin Ab Ghani (E41) | Perancangan dan Penilaian         |
| 12  | Disember 2010  | Nor Hayati binti Ahmad (FT17)    | Pengurusan Maklumat               |

**Jadual 40 : Pertandingan KIK Peringkat Ibu Pejabat**

| Bil | Nama Kumpulan     | Bahagian                            | Tajuk  | Anugerah |
|-----|-------------------|-------------------------------------|--|----------|
| 1.  | Infiniti          | Audit Pertubuhan dan Penguatkuasaan | Kelewatan Penyediaan Laporan Audit Pengurusan  | Perdana  |
| 2.  | Giga Transform    | Pengurusan Maklumat                 | Masalah Kekurangan PPK Yang Membangunkan Laman Web   | Emas     |
| 3.  | Train_D           | Pembangunan Modal Insan             | Masalah Pengurusan dan Penyimpanan Nota Kursus   |          |
| 4.  | Nadi              | Kewangan                            | Mempertingkatkan Pengkhususan Kerja Dalam Proses Penggajian  | Perak    |
| 5.  | E - Farm          | Pengeluaran Ladang                  | Mempercepatkan Kelulusan Peruntukan Projek Pembangunan   |          |
| 6.  | Easy              | Khidmat Pengurusan                  | Masalah Pengisian Jawatan Secara Manual  |          |
| 7.  | Registral         | Penyeliaan                          | Ke Arah Penambahbaikan Proses Permohonan Kelulusan Pendaftar   | Gangsa   |
| 8.  | Iman              | Hal Ehwal Korporat                  | Mempermudah dan Mempercepatkan Proses Mendapatkan Maklumbalas Minit Mesyuarat Pengurusan LPP Melalui Penggunaan Sistem MyMeeting |          |
| 9.  | Jati Niaga        | Perniagaantani                      | Meningkatkan Medium Pemasaran Hasil-Hasil Pertanian Dan Produk PP  |          |
| 10. | Dinamik           | Perancangan dan Penilaian           | Kelewatan Penyaluran Peruntukan Projek Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen (MPPP) Kepada Kumpulan Sasar                        |          |
| 11. | Data.Com Usahawan | Pembangunan Usahawan Peladang       | Kaedah Penjimatan Penggunaan Kertas di LPP Ibu Pejabat   |          |
| 12. | Muhasabah         | Kejuruteraan                        | Penambahbaikan Perancangan Pembinaan Bangunan Pejabat PPK di Bawah Sumber Dalam PP   |          |





**Jadual 41 :** Pertandingan Konvensyen KIK Peringkat Kebangsaan

| Bil | Nama Kumpulan | Bahagian                     | Tajuk  | Anugerah |
|-----|---------------|------------------------------|--|----------|
| 1.  | Transmission  | Perak                        | Kelewatan Kerja-Kerja Membajak di Kawasan IADA Kerian/Sg. Manik      | Perdana  |
| 2.  | Black Oil     | Kelantan                     | Kos Pembaikan Traktor Yang Tinggi                                    | Emas     |
| 3.  | Infiniti      | LPP Ibu Pejabat Kuala Lumpur | Kelewatan Penyediaan Laporan Audit Pengurusan                        |          |
| 4.  | Setia         | Johor                        | Kurangnya Keluasan dan Penglibatan Ahli Dalam Menyertai Program SKLT | Perak    |
| 5.  | Padi          | Terengganu                   | Kutipan Hutang Lapuk   |          |
| 6.  | Kebal         | Pahang                       | Pengawalan Musuh Tanaman Sawit di Program Pembangunan Tanah Terbiar  |          |
| 7.  | B - Perfect   | Kedah                        | Kelewatan Penyediaan Penyata Akaun Peserta Mini Estet Padi           | Gangsa   |
| 8.  | Nilam Biru    | Perlis                       | Kelewatan Memproses Pengiraan Undi Pemilihan Ahli Jemaah Pengarah    |          |
| 9.  | Semangat Jaya | Selangor                     | Kelewatan Pembayaran Hasil Kelapa Sawit Sehingga 3 Hari              |          |
| 10. | Kias          | Pulau Pinang                 | Kutipan Balik Pinjaman Usahawan Peladang                             |          |
| 11. | Citra         | Melaka                       | Teguran Audit Sifar PP Yang Tidak Mencapai Sasaran                   |          |
| 12. | Rafflesia     | Sabah                        | Pengurusan Bil & Bayaran Yang Kurang Sistematis                      |          |
| 13. | Jasa V3       | Negeri Sembilan              | Sistem Kaunter Yang Berkesan - "Agro One Stop Centre"                |          |

# Pembangunan Institusi Peladang

Misi LPP adalah membangunkan Pertubuhan Peladang (PP) sebagai pemberi perkhidmatan yang berkesan ke arah ahli peladang progresif. Visi LPP pula menyebut bahawa LPP menjadi peneraju pembangunan PP yang unggul dan cemerlang. Sehubungan dengan itu, antara tugas penting LPP ialah menggalak, mempergiat, memudah dan mengusahakan kemajuan ekonomi dan sosial PP. Dengan yang demikian, tanggungjawab dan tumpuan LPP adalah kepada mempermudah semua urusan perniagaan dan bukan perniagaan yang dilaksanakan oleh PP.

Kesemua aktiviti yang dijalankan oleh PP dipantau dengan rapi oleh LPP Negeri dan LPP Ibu Pejabat untuk memastikan aktiviti di PP dilaksanakan dengan cara yang akan memajukan dasar kerajaan khususnya dasar berhubung dengan penyusunan semula masyarakat.

Laporan keseluruhan prestasi sosioekonomi PP yang meliputi kemajuan pembangunan dan sosial di 208 buah PPK, 13 buah PPN dan 1 Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) adalah sehingga 31 Disember 2010. Kesemua institusi tersebut adalah di bawah penyeliaan terus LPP dan tidak termasuk PPK di MADA, KADA dan Sarawak.

## Isipadu Perniagaan Pertubuhan Peladang (PP)

Aktiviti perniagaan berasaskan pertanian (input pertanian dan pemasaran) merupakan perkhidmatan utama yang disediakan oleh Kumpulan PP (terdiri dari NAFAS, PPN dan PPK), kepada ahli peladang dan menjadi penyumbang terbesar kepada isipadu perniagaan PP. Pada tahun 2010, nilai pembekalan input pertanian PP ialah RM716 juta dan pemasaran hasil pertanian ialah RM465.2 juta. Kedua-dua aktiviti tersebut menyumbang 43 peratus kepada keseluruhan isipadu perniagaan PP di bawah penyeliaan LPP yang bernilai RM 2.77 bilion seperti di **Jadual 42** dan **Carta 9**.

Selain daripada aktiviti pembekalan input pertanian dan pemasaran hasil pertanian, PP turut menjalankan beberapa aktiviti ekonomi seperti kontrak pertanian, khidmat kejenteraan ladang, pengangkutan hasil pertanian dan perniagaan barang keperluan harian melalui kedai/pasar mini peladang. Ahli-ahli peladang juga mendapat manfaat dari khidmat nasihat, pemindahan teknologi, amalan pertanian baik dan peluang-peluang pekerjaan melalui keahlian mereka di PP. Beberapa buah PP juga memiliki dan menjalankan aktiviti Industri Asas Tani (IAT) melalui operasi kilang padi, kilang makanan terutama makanan ringan, pemprosesan ayam daging dan kelapa sawit.

## Keahlian Pertubuhan Peladang

Jumlah keseluruhan ahli peladang yang berdaftar di PP seluruh Malaysia sehingga akhir tahun 2010 adalah 545,014 orang, tidak termasuk jumlah keahlian di MADA, KADA dan Sarawak. LPP sentiasa berusaha membantu semua PP menjalankan kempen dan promosi bagi meningkatkan keahlian di PP, khususnya dari golongan belia lelaki dan wanita. Antara perkara yang dipromosikan ialah pelbagai manfaat dan insentif yang bakal diterima oleh ahli baru. Sehingga akhir tahun 2010, terdapat pertambahan 14,321 orang ahli iaitu peningkatan 2.7 peratus berbanding jumlah keahlian bagi tahun 2009. Sila rujuk **Jadual 43**.

## Kedudukan Modal Saham Pertubuhan Peladang

Sehingga akhir tahun 2010, jumlah modal saham terkumpul bagi Kumpulan PP (NAFAS, 13 buah PPN dan 208 buah PPK) berjumlah 163.26 juta unit saham bersamaan dengan RM163.26 juta. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 8.5 % berbanding tahun 2009 seperti di **Jadual 44**.

**Jadual 42:** Pencapaian Isipadu Perniagaan Kumpulan PP di Bawah Penyeliaan LPP Tahun 2006 Hingga 2010


| Pertubuhan Peladang | Nilai Isipadu (RM juta) |                |                |                 |                |
|---------------------|-------------------------|----------------|----------------|-----------------|----------------|
|                     | 2006                    | 2007           | 2008           | 2009            | 2010           |
| PPK                 | 707.84                  | 904.14         | 785.55         | 824.83          | 874.3          |
| PPN                 | 483.36                  | 628.06         | 540.13         | 567.13          | 601.2          |
| NAFAS               | 898.75                  | 1,369.0        | 1,164.62       | 1,222.53        | 1,295.9        |
| <b>Jumlah</b>       | <b>2,089.95</b>         | <b>2,901.2</b> | <b>2,490.3</b> | <b>2,614.49</b> | <b>2,771.4</b> |

**Jadual 43:** Keahlian PP di bawah Kendalian PP (2006- 2010)

| Perkara       | 2006    | 2007    | 2008    | 2009    | 2010    |
|---------------|---------|---------|---------|---------|---------|
| Bilangan Ahli | 488,115 | 498,394 | 511,748 | 530,693 | 545,014 |

**Jadual 44:** Kedudukan Modal Saham Kumpulan PP (2006 - 2010)

| Pertubuhan Peladang | Nilai (RM Juta) |               |               |               |               |
|---------------------|-----------------|---------------|---------------|---------------|---------------|
|                     | 2006            | 2007          | 2008          | 2009          | 2010          |
| PPK                 | 73.92           | 73.65         | 81.76         | 92.82         | 106           |
| PPN                 | 23.22           | 25.30         | 25.42         | 30.75         | 37.33         |
| NAFAS               | 8.26            | 8.92          | 10.00         | 12.39         | 19.93         |
| <b>Jumlah</b>       | <b>105.40</b>   | <b>107.87</b> | <b>117.18</b> | <b>135.96</b> | <b>163.26</b> |




**Carta 8:** Pecahan Isipadu Perniagaan Kumpulan PP di Bawah Penyeliaan LPP Tahun 2010

### Struktur Pergerakan PP Tiga Peringkat

Struktur pergerakan PP tiga peringkat terdiri dari NAFAS di peringkat nasional, 14 PPN di peringkat negeri dan 276 PPK di peringkat kawasan. Bilangan PP yang dijangka (*networking*) melalui struktur ini berjumlah 291 buah. Pendekatan yang wajib dipatuhi oleh semua PP di dalam struktur tiga peringkat ini

bermatlamat jangka panjang. Melalui jaringan PP tiga peringkat ini adalah diyakini akan berlakunya peningkatan dalam urusanniaga berkumpulan dan gabungan yang akhirnya memperkukuhkan pergerakan PP dari perspektif pembangunan ekonomi dan sosial. Struktur pergerakan PP tiga peringkat adalah seperti di **Rajah 3**.

**Rajah 3:** Struktur Pergerakan PP Tiga Peringkat



**\*Nota:**

- NAFAS - Pertubuhan Peladang Kebangsaan
- PPN/PPK - Semua PPK adalah ahli kepada PPN dan semua PPN pula adalah ahli kepada NAFAS
- UNIT PELADANG - Ahli individu PPK berjumlah sekurang-kurangnya 30 orang yang disatukan dalam kumpulan formal di peringkat kampung dan mengandungi kumpulan-kumpulan kecil informal di bawahnya.

1 PPN dan 68 PPK diwakilkuasakan oleh Pendaftar PP (Ketua Pengarah LPP) kepada MADA (27 PPK), KADA (13 PPK) dan Sarawak (1 PPN, 28 PPK).

# Imbasan Sejarah LPP



5. Allahyarham Tun Abdul Razak dengan disertai dari kiri ke kanan - En. Ahmad Sarji b. Abdul Hamid, Ketua Pengarah LPP, Y.B.M. Tengku Ahmad Rithauddeen, Pengerusi LPP, Tan Sri Abdul Kadir b. Shamsuddin, Ketua Setiausaha Negara dan Y.B. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Timbalan Pengerusi LPP sedang bertafakur dan menghadaiahkan Al-fatihah ke atas roh Allahyarham Tun Dr. Ismail seurus sebelum Majlis Pelancaran LPP pada 13 Ogos 1973 di Dewan Tunku Abdul Rahman.



6. ALLAHYARHAM TUN ABDUL RAZAK DAN DATO' MUSTAFA B. HJ. ABDUL JABAR, KETUA PENGARAH LPP, Y.B.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN, PENERUSI LPP, TAN SRI ABDUL KADIR B. SHAMSUDDIN, KETUA SETIAUSAHA NEGARA DAN Y.B. DATO' HJ. MUSTAFA B. HJ. ABDUL JABAR, TIMBALAN PENERUSI LPP sedang bertafakur dan menghadaiahkan Al-fatihah ke atas roh Allahyarham Tun Dr. Ismail seurus sebelum Majlis Pelancaran LPP pada 13 Ogos 1973 di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur.



8. Y.B. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Y.B.M. Tengku Ahmad Rithauddeen b. Tengku Ismail dan Y.B. Tan Sri Ghazali b. Jawi semasa Majlis Perwakilan Persatuan Peladang Kebangsaan pada 22 Jun 1974.



15. Penyerahan Ikrar Hari Peladang oleh En. Maarof b. Hj. Amri, Peladang Jaya Kebangsaan Allahyarham Tun Abdul Razak sempena perayaan Hari Peladang yang diadakan di Dewan Jaminan Parlimen pada 6 Ogos 1975.